

14/02/1998

Dunia juga dapat faedah: PM

PROJEK Koridor Raya Multimedia (MSC) bukan saja menghasilkan keuntungan kepada negara, sebaliknya turut memberi faedah kepada dunia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Walaupun mengakui MSC sebagai projek mega yang bercita-cita tinggi, Perdana Menteri berkata, ia bukan saja akan dijayakan oleh Malaysia sendirian, tetapi disertai masyarakat seluruh dunia.

"Kami menggambarkan projek ini sebagai tapak ujian gergasi kepada semua, sesiapa sahaja dan dari setiap pelosok dunia," katanya sebagai menjawab kritikan yang melabel projek MSC sebagai satu projek mega bercita-cita tinggi dan dirancang secara besar-besaran.

Menyampaikan ucapan di Persidangan Meja Bulat Ahli Ekonomi Dalam Bidang Elektronik di Asia di sini hari ini, Dr Mahathir berkata, dasar dan undang-undang yang digubal tidak membebankan kerajaan, begitu juga amalan yang direkabentuk untuk MSC.

Beliau menjelaskan, kemudahan kerangka seperti gentian optik dan kemudahan komunikasi lain akan dikendalikan oleh syarikat swasta, sebagai satu bentuk pelaburan, yang memberi pulangan pada akhirnya.

Begitu juga dengan tanah, yang akan dibahagi-bahagikan dan dijual kepada pelabur berminat untuk menyediakan kemudahan mereka di tapak itu dan menggunakan infrastruktur kerangka serta perisian disediakan.

"Kita mengakui bahawa kita perlu mengeluarkan belanja yang besar untuk projek ini tetapi ianya dalam kemampuan.

Penurunan nilai mata wang menjejaskan sedikit kemampuan kita tetapi kita masih boleh meneruskannya. Untuk itu, MSC akan diteruskan kerana permintaan untuk kemudahan yang kita tawarkan terlalu hebat dan realistik," katanya.

Menurut Perdana Menteri, MSC menjadi satu projek hebat bukan kerana ia matlamat Malaysia semata-mata tetapi matlamat semua yang terbabit.

"Mereka yang bertanggungjawab menjadikannya hebat. Jika boleh saya katakan, tidak ada satu projek yang menggunakan teknologi maklumat (IT) mendapat input daripada pakar IT dari seluruh dunia.

"Projek ini sememangnya mendapat manfaat daripada Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) yang ditubuhkan bagi memastikan projek MSC mampu menguji idea dan teknologi baru berdasarkan persekitaran sebenar sekali gus membuktikan konsepnya berjaya," katanya.

Di majlis itu, Perdana Menteri sekali lagi menerangkan status projek MSC itu, yang disifatkan sebagai mendahului jadual yang ditetapkan.

Sambutan yang diterima amat menggalakkan dan sehingga kini, 110 syarikat sudah menerima status MSC, yang mana 78 daripadanya sudah beroperasi.

Sejak April lalu, sebanyak 178 permohonan bagi status MSC diterima, membabitkan 39 peratus permohonan syarikat asing, syarikat tempatan (35 peratus) dan syarikat usaha sama tempatan serta asing (26 peratus).

(END)